

**TEKS UCAPAN Y.BHG. PENDAFTAR DI PROGRAM MOTIVASI
STAF PEJABAT PENDAFTAR, PENGURUSAN MODAL INSAN DI
SUMMERSET COLONIAL VILLA, ROMPIN PAHANG PADA 17
HINGGA 19 JULAI 2009.**

Yang di hormati Pengerusi Majlis

Yang di hormati Timbalan Pendaftar Kanan

Yang di alukan Fasilitator, P.Madya Syed Mohd. Shafiq Syed
Mansor

Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar

Dan Seterusnya Staf Pejabat Pendaftar HCM,

Assalamualaikum Wm.Wbr.

Bersyukur saya kepada Allah Subhanawataala kerana dapat hadir
bersama saudara/saudari di program pada hari ini. Diperpanjangkan
juga selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad
SAW dan Para Sahabat.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak HCM kerana menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata di program Motivasi staf Pejabat Pendaftar. Saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak HCM kerana berjaya mengadakan program pada hari ini walaupun dalam kesibukan dengan pelbagai tugas di Pejabat dan lain-lain kursus atau bengkel.

Sebenarnya program seumpama yang di adakan pada hari ini amat banyak manfaatnya kepada pihak staf terutamanya. Saya percaya program yang disusun telah mengambil kira tujuan utama ianya di adakan. Dengan program ini yang pertama kita akan berpeluang merapatkan hubungan sesama staf dalam suasana tidak formal dan santai. Di Pejabat kita terikat dengan aturcara yang lebih official dan protocol. Kadang-kadang hubungan kita sukar sekali khususnya antara staf peringkat Eksekutif dan sokongan. Komunikasi terhad ini menyukarkan sistem penyampaian yang berkesan.

Yang kedua, dengan program ini kita akan dapat memberi sumbangan buah fikiran bagaimana untuk membantu organisasi kita

lebih cemerlang. Tiap staf mungkin banyak idea untuk menjadikan Pejabat HCM lebih cemerlang dan terbilang. Oleh itu saya harap jika ada slot sebegini nanti sila berikan kerjasama sepenuhnya dan ambil peluang tersebut sebaiknya. Sebenarnya apa-apa juga yang kita sumbangkan untuk kebaikan manusia/makhluk pasti akan dibalas baik oleh Allah Subhanawataala. Seperti maksud Firman Allah dalam surah An Nisa ayat 40 bermaksud *“Sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang walau sebesar zarah dan jika ada kebajikan sebesar zarah nescaya Allah akan melipat gandakannya dan memberikan dari sisinya pahala yang besar”*

Yang ketiga dalam menghadiri program seperti ini sudah tentu dan pasti kita akan dapat sesuatu pelajaran dan teladan yang berguna. Dengan bimbingan dari motivator yang arif seperti P.Madya Syed Mohd Syafiq saya pasti kita tidak akan rugi menghadiri dalam tempoh 3 hari 2 malam ini. Bagi yang pernah hadir dalam program yang dikendalikannya saya pasti akan menunjukkan “Tumb-up”. Oleh itu saudara/saudari nanti sila ambil peluang dan ikuti dengan sepenuh hati apa juga yang akan disampaikan. Saya difahamkan program ada slot-slot bagaimana kita dapat mengenal potensi kita dalam menjana

kecemerlangan organisasi. Bagaimana kita bekerjasama dengan rakan kita untuk mencapai hasil yang maksima. Yang penting saya rasa boleh nanti di tunjuk arahkan bagaimana kita bekerjasama dan bertugas dalam team atau teamworking akan menjadikan tugas kita lebih mantap dan efektif. Seperti kata bidalan “ranting sebatang senang di patahkan tetapi lidi seberkas sulit di pisahkan”.

Saudara/saudari sekalian,

Saya ingin menyentuh sedikit berkaitan Petunjuk Prestasi Utama. Di Pejabat HCM saya pasti KPI tidak lari berkenaan pengambilan staf khususnya Staf Akademik berkeleyakan Phd. Disamping itu ada juga bagaimana dalam menyediakan staf yang kompeten dalam tugas mereka. Turut juga diminta supaya penyediaan polisi panduan dan peraturan yang lengkap. Jadi semua KPI 2009 ini perlu kita selesaikan sebaik mungkin mengikut yang di sasarkan. Saya berharap nanti apabila sampai hujung tahun kita jangan dipersoalkan bagaimana KPI Pejabat HCM. Mengapa sedemikian keadaannya. Dan lain-lain lagi. Oleh itu jika ada masa dan peluang KPI ini kita

semak dan pantau sentiasa. Semua staf di HCM perlu bekerjasama Bantu membantu, ingat mengingati dalam menjayakan KPI ini.

Seperkara yang saya hendak peringatkan ialah mengenai aktiviti kualiti. Tidak salah dari pengamatan saya akhir-akhir ini aktiviti-aktiviti kualiti agak kendur. Saya tidak menyalahkan sesiapa tetapi kita perlu juga terus berusaha untuk memantapkan aktiviti kualiti ini. Bagi saya aktiviti kualiti ini pastinya boleh meningkatkan produk kita, memantapkan organisasi kita. Dengan mengamalkan kualiti dalam urusan harian sudah tentu hasilnya akan terus baik dan bermutu tinggi. Aktiviti ISO, KIK, SPP dan 5S harus tidak terhenti separuh jalan. Teruskan perkara yang baik ini.

Hari ini saya dapat katakan bahawa Pejabat HCM sudah menjadi “Tin Sardin Cap Ayam”. Tapi walaubagaimanapun harga setin sardin ini sudah dua kali ganda dalam 5 tahun kebelakangan ini. Saya dapat rasakan bagaimana saudara dan saudari terutamanya di Pejabat Am terpaksa berhimpit dalam bekerja. Isinya bukan lagi 20 orang tetapi 40 orang. Tetapi saudara harap bersabar. Mungkin Timbalan Pendaftar Kanan, Hj. Hassan Husin ada dalam perhatian mengenai

masalah ini. Oleh itu perlulah beliau dan rakan lain melihat perkara ini untuk masa hadapan. Memang kita sentiasa berkembang dari masa kesemasa. Samada HCM berada di premis baru mahupun berpindah dari Pejabat sedia ada.

Akhir sekali saya ingin merakamkan penghargaan di atas kerjasama saudara-saudari semua dalam membantu Pejabat Pendaftar mencapai matlamat, visi dan misinya. Semua staf Pejabat HCM saya rasa telah memberikan komitmen sepenuhnya kepada saya, Pejabat Pendaftar dan Universiti amnya. Jadi teruskan usaha ini. Mana-mana yang agak kurang baik kita sama-sama perbaiki, kita tambah nilai dan kita gilapkan mana-mana yang berkarat. Kita perlu ada sikap FUGUWAI, KAIZEN, TEAMWORK, KESETIAAN, HORMAT DAN SOPAN, KOMITED & BERSYUKUR. Menurut kuliah Dr. Fazilah Kamsah manusia ada beberapa ketegori. Orang yang berjaya adalah bersikap hari ini lebih baik dari semalam, Orang terpedaya adalah bersikap hari ini sama seperti semalam dan orang yang celaka adalah bersikap hari ini lebih teruk dari semalam. Beliau juga memberi tips rutin fitrah sebagai manusia yang baik iaitu:

Solat & Doa, Maafkan semua orang, tidur mengiring kekanan, Bangun tidur senyum dan berdoa, sarapan makan pisang, makan buah sebelum makan nasi, keluar rumah dengan kaki kiri, Masuk rumah kaki kanan&salam dan bismillah, senyum selalu, kasih sayang merawat segalanya, buat apapun terbaik,beri manfaat kepada orang lain dan sentiasa berjemaah.

Mari kita sama-sama menghayati maksud Firman Allah dari surah Ar Raad ayat 11 “ *Bagi manusia ada Malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran. Di hadapan dan di belakangnya. Mereka menjaga atas perintah Allah.Sesungguhnya Allah tidak mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolaknya.dan sekali-kali tidak ada pelindung bagi mereka selain Dia”.*

Sekian Wabillahitawfik Walhidayah Wassalamualaikum Wm.Wbr.